

27/07/1998

Perwakilan lulus lapan resolusi

KUALA LUMPUR, Ahad - Pergerakan Pemuda MIC hari ini meluluskan resolusi lapan perkara termasuk sokongan tidak berbelah bagi kepada kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta usaha kerajaan menangani kegawatan ekonomi.

Perwakilan ke persidangan sehari itu, yang turut menyokong agenda pemulihan dilancarkan baru-baru ini berkata, Malaysia telah mencapai pembangunan pesat kerana keupayaan Dr Mahathir membangunkan ekonomi melalui perindustrian teknologi tinggi dan teknologi maklumat (IT).

Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu, merasmikan persidangan pemuda dan wanita parti itu serentak di PWTC di sini.

Mengenai pendidikan, lebih 400 perwakilan itu mendesak Kementerian Pendidikan membuka Dana Pendidikan Negara kepada semua pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Perwakilan juga menyeru Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Usahawan supaya membantu sektor industri kecil dan sederhana dengan menubuhkan satu unit khas untuk memberi khidmat nasihat terperinci kepada sektor itu.

Mereka turut mendesak kementerian berkaitan supaya menubuhkan satu unit khas bagi menyelaraskan latihan pembangunan yang sesuai khususnya dalam bidang IT dan komunikasi multimedia untuk lepasan sekolah dan lepasan universiti yang menghadapi masalah mendapatkan pekerjaan.

Mengenai pekerja ladang, mereka menyeru Kementerian Sumber Manusia memastikan majikan membekalkan prasarana dan gaji yang sewajarnya kepada pekerja memandangkan sektor itu kini menikmati keuntungan yang baik melalui pertukaran asing.

Sementara itu, pergerakan wanita turut meluluskan resolusi enam perkara termasuk sokongan kepada langkah yang diambil Perdana Menteri dalam menangani krisis ekonomi sekarang.

(END)